



**SAIFUR RAHMAN MUHAMMAD** (dua dari kiri) melihat mesin yang digunakan untuk pesakit buah pinggang ketika melawat gerai pameran sempena Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia peringkat negeri di Kampus Perubatan UniSZA, Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/SHAIFUDIN MOHD. NOR

## 150 pesakit buah pinggang kronik setiap tahun

KUALA TERENGGANU 16 April -

Hampir 150 kes pesakit baharu memerlukan rawatan dialisis bagi menangani penyakit buah pinggang direkodkan setiap tahun di negeri ini.

Timbalan Pengarah Kesihatan negeri (Perubatan), Dr. Saifur Rahman Muhammad berkata, jumlah pertambahan mereka yang menghidap penyakit kronik itu agak tinggi namun dianggap masih terkawal jika dibandingkan dengan negeri lain.

"Saya lihat kesedaran (untuk mendapatkan rawatan) itu makin bertambah dari setahun ke setahun."

"Bagaimanapun, masih ada beberapa perkara yang kita perlukan tingkatkan agar pesakit tidak memandang ringan penyakit ini seakan keadaan mereka makin teruk," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Buah Pinggang peringkat negeri di kampus perubatan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini

hari ini.

Yang hadir sama Pakar Nefrologi dan Dialisis yang juga pensyarah Fakulti Perubatan dan Kesihatan UniSZA, Prof. Dr. Zawawi Nordin.

Dalam pada itu, Dr. Saifur Rahman berkata, rawatan dialisis di negeri ini yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu yang menggunakan mesin dialisis, *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD) atau kaedah mencuci darah melalui perut dan pemindahan buah pinggang.

Beliau berkata, ketika ini terdapat lebih 800 mesin yang menggunakan kaedah hemodialisis daripada Kementerian Kesihatan dan swasta yang digunakan ketika ini manakala bagi kaedah CAPD pula melibatkan 263 pesakit di seluruh negeri berdasarkan data yang diperoleh tahun lepas.

"Sebanyak 21 pesakit yang memerlukan pemindahan buah pinggang bagi kaedah rawatan telah direkodkan," katanya yang memberitahu pesakit termuda yang

pernah mendapat rawatan dialisis di negeri ini ialah seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau memberitahu, masalah kekurangan mesin dialisis di negeri ini dapat diatasi dengan beroperasinya dua pusat dialisis baharu iaitu masing-masing di Bandar Al-Mukhtafi Billah Shah (AMBS), Dungun dan Besut.

"Pusat dialisis di Pusat Transformasi Luar Bandar, AMBS yang mempunyai enam mesin itu baru-baru ini telah dirasmikan oleh Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal manakala di Besut pula yang melibatkan 11 buah mesin masih belum mulakan operasinya," katanya.

Sementara itu difahamkan 10 buah mesin dijangka akan dibekalkan di Hospital Hulu Terengganu melalui rancangan menubuhkan Unit Hemodialisis kedua yang dianggarkan menelan kos RM 2 juta.